BISNES MEMBELI EMAS TERPAKAI

Azizi Ali
MBA ChFC

TRUEWEALTH
Making You Better

Dapatkan petunjuk dan bimbingan secara
peribadi daripada Mentor Jutawan #1 Malaysia.
Sertai program Inner Circle sekarang!

www.InnerCircle.my

Diterbitkan oleh True Wealth Sdn Bhd
Tel: 03-7880 1051
Faks: 03-7880 8051
Emel: info@MillionairesPlanet.com
Laman Web: www.MillionairesPlanet.com

Hak cipta © 2017 oleh Azizi Ali

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Edisi Pertama

10 9 8 7 6 5 4 3 2 1
19 18 17

Buku ini dihasilkan untuk memberi pengajaran dan menyalurkan maklumat umum mengenai subjek yang dibincangkan. Ia tidak boleh dianggap sebagai mengandungi nasihat kewangan, sekuriti atau perakuan sekuriti.

Segala strategi yang digariskan dalam buku ini mungkin tidak sesuai bagi individu dan tiada jaminan dikeluarkan untuk menghasilkan satu keputusan.

Tiada jaminan dibuat berkenaan ketepatan atau kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalam buku ini. Penulis dan penerbit secara khusus tidak bertanggungjawab terhadap apa juga liabiliti, kerugian atas risiko, perbadi mahupun sebaliknya, yang berlaku akibat, secara langsung atau tidak langsung

AZIZI ALI

RAHSIA SURAT PAJAK: BISNES MEMBELI EMAS TERPAKAI

ILMU PALING MAHAL

KANDUNGAN

TOPIK	MUKASURAT
1. BISNES MEMBELI EMAS TERPAKAI	6
2. LANGKAH-LANGKAH MEMBELI EMAS TERPAKAI	7
3. ALAT YANG PERLU ADA DALAM BISNES MEMBELI EMAS TERPAKAI	8
4. STRATEGI MARKETING	10
5. AMARAN DAN PERINGATAN	11
6. PENUTUP	14
7. TENTANG PENULIS	15

1. BISNES MEMBELI EMAS TERPAKAI

Berikut adalah 3 langkah yang anda perlu ambil dalam bisnes membeli emas terpakai:

1. Pastikan mutu dan berat emas.
2. Beli emas tersebut.
3. Jual terus kepada peraih atau pemborong emas.

Panduan harga membeli emas terpakai adalah sama seperti harga membeli surat pajak.

CUSTOMER SELL (RM/GRAM) : Used Gold Jewellery Type* *We don't accept Gold from unknown and illegal sources*

WEIGHT	999 足金 (24k)	965 泰国 足金	950	916	22K	835 盾金 (BP)	Emas Paun 钱金	750 (18k)	585 (14k)	久金	375 (9k)
USED GOLD JEWELLERY Below 2 KG *(RM / GRAM)*	161	153	153	145	138	133	128	115	81	62	48

Contoh harga belian pemborong hari ini untuk emas 916 ialah RM145 per gm. Jadi anda tolak RM5 daripada harga tersebut semasa membuat pembelian daripada pelanggan untuk memastikan anda berada dalam keadaan untung (sebelum menjual kepada peraih emas).

Pembaca yang bijak (andalah tu!) akan perasan yang anda tolak RM8 daripada harga belian pemborong ketika membeli surat pajak tetapi tolak hanya RM5 ketika membeli emas terpakai. “Tok, kenapa tolak sikit saja bila membeli emas terpakai?”

Jawapannya ialah kerana terdapat ramai pembeli emas terpakai jika dibandingkan dengan pembeli surat pajak. Jadi ini bermakna anda mempunyai banyak pesaing dalam bisnes membeli emas terpakai. Oleh kerana itu, anda ambik untung sikit saja untuk menarik pelanggan menjual emas terpakai itu kepada anda. Jika anda letak harga belian yang rendah (kerana nak ambik untung banyak), besar kemungkinan pelanggan akan menjual emas itu kepada pembeli lain.

“Kenapa harga anda membeli emas masih boleh dikatakan MENANG berbanding kedai emas membeli emas?”

Harga membeli kedai emas mesti jauh lebih rendah kerana kedai perlu ambil kira sewa kedai, gaji pekerja, insurans mahupun bil elektrik.

Selalunya kedai emas akan menolak 35 peratus daripada harga semasa di papan kedai apabila orang menjual emas kepada mereka. Ini bermakna harga emas sebenar dalam contoh ini ialah RM190 per gm – 35 % = RM123 per gm saja.

Anda beli harga berapa? RM145 per gm (harga emas 916 Mysmartgold) – RM5 per gm (untung anda) = RM140 per gm.

Siapa yang membeli emas dengan harga yang lebih tinggi? Sudah tentu anda.

Dan kerana anda menawarkan harga belian yang lebih tinggi, maka lebih ramai orang yang akan menjual emas mereka kepada anda berbanding menjual di kedai emas.

PIHAK YANG TERLIBAT DALAM BISNES OMEMBELI EMAS TERPAKAI

Hanya ada 3 pihak yang terlibat dalam bisnes membeli emas terpakai:

1. Penjual emas
2. Pembeli (anda)
3. Peraih (pemborong) emas

Prosesnya adalah *straightforward* sebabnya ianya melibatkan anda membeli emas terpakai daripada penjual dan kemudiannya anda menjual emas tersebut kepada peraih.



2. LANGKAH-LANGKAH MEMBELI EMAS TERPAKAI

Langkah 1: Pelanggan (penjual) datang ke pejabat/kedai anda dengan emasnya. Dia juga perlu membawa kad pengenalannya sekali.

Langkah 2: Dapatkan kebenaran daripada pelanggan untuk membuat ujian ketulenan emas tersebut. Ujian ini termasuklah ujian magnet dan memotong emas tersebut.

Langkah 3: Setelah mendapat kebenaran daripada pelanggan, anda potong emas tersebut. Setelah anda sahkan yang emas itu adalah tulen, emas itu ditimbang. Kemudian barulah anda boleh menawarkan harga belian anda kepada pelanggan. (Harga emas tersebut bergantung kepada gred dan berat emas tolak untung anda.)

Langkah 4: Jika kedua-dua pihak setuju, isikan resip pembelian dan sipelanggan perlu tanda tangan resip tersebut. Selepas itulah baru anda berikan wang tunai (cash) kepada beliau.

Langkah 5: Anda bersedia untuk terus menjual emas tersebut kepada peraih emas dengan yang harga tinggi.

* Untuk pengetahuan anda, pemborong membeli semua jenis emas termasuk emas yang rosak, putus atau patah pada harga yang sama mengikut mutu emas.

3. ALAT YANG PERLU ADA DALAM BISNES MEMBELI EMAS TERPAKAI

Berikut adalah alat-alat yang anda perlu ada dalam bisnes membeli emas terpakai:

1. Magnet

   Ya, anda boleh menggunakan magnet untuk mengenal pasti emas yang tulen daripada yang tidak! Ini adalah kerana emas yang tulen tidak akan melekat di magnet sementara emas yang tidak tulen akan melekat di magnet (kerana emas itu dalamnya telah diisi dengan logam).

   

   Jadi salah satu langkah yang anda akan ambil ialah untuk rolling magnet itu di atas emas yang anda terima itu. Ingat: jika ‘emas’ itu melekat di magnet, itu bermakna ‘emas’ itu tidak tulen.

2. Timbang mini (khusus untuk menimbang barangan kemas dan emas).

   Timbang itu digunakan untuk menimbang emas terpakai yang anda nak beli itu. Tanpa timbang, bagaimana anda nak tahu beratnya? Takkan nak main agak saja?

3. Cutter dan plier

Cutter dan plier itu pula digunakan untuk menghiasi emas tersebut. *Kidding*! Sudah tentu cutter itu, seperti namanya, digunakan untuk memotong emas tersebut, untuk memastikan emas itu adalah tulen.

Anda boleh mendapatkan kesemua peralatan ini di kedai hardware ataupun pesan melalui internet. Harganya tidaklah mahal sangat. Harga magnet kurang daripada RM10 satu, timbang mini itu berharga di antara RM30 – RM60 sementara cutter dan plier berharga lebih kurang RM15 setiap satu.

4. STRATEGI MARKETING

"Bagaimana nak cemerlang dalam bisnes dan kekalkan kejayaan yang makin sengit dalam mengharungi ekonomi yang semakin mencabar?"

Salah satu caranya ialah dengan mewujudkan USP.

Apa itu USP?

USP bermaksud ***U**nique **S**elling **P**oint*.

Bagaimana nak wujudkan USP?

Cuba tanya diri anda sekarang. Anda dapat kenalpasti apa USP bisnes anda?

Dapat? Tak dapat?

Terdapat 6 kategori USP yang boleh anda wujudkan dalam perniagaan anda.

1. USP (NAMA). Nama page atau nama produk yang lain daripada yang lain. Ini membuatkan pelanggan lebih teruja untuk diingati.

2. USP (APPEARANCE). Antaranya size, warna, design dan apa sahaja yang mengikut trend terkini.

3. USP (ADVANTAGES). Apa kelebihan yang kita ada berbanding dengan pesaing?

4. USP (AUDIENCE). Target audience yang betul dengan cara penyampaian yang betul.

5. USP (PREMIS). Jika anda mempunyai premis, maka pastikan premis anda dihiasi dengan keunikan, yang penting kreatif.

6. USP (OFFER). Bagi pelanggan satu penghargaan seperti hadiah percuma, bonus atau apa sahaja yang membuatkan pelanggan rasa lebih teruja ketika membeli.

5. AMARAN DAN PERINGATAN

Seperti yang Tok selalu sebut, mana-mana bisnes yang memberi peluang untuk buat wang besar juga datang dengan peluang untuk kehilangan wang besar! Dan bisnes emas ini tidak terkecuali daripada undang-undang tersebut. Jadi berikut adalah beberapa amaran dan peringatan untuk anda.

BISNES BELI EMAS TERPAKAI

1. Awasi emas palsu

Sudah tentu risiko yang paling tinggi dalam bisnes beli emas terpakai ialah anda membeli emas palsu. Untuk pengetahuan anda, bukan saja pembeli-pembeli individu seperti kita yang tertipu, malah ar-rahnu yang terkenal dan bank yang besar pun turut kena tipu membeli emas palsu! Selalunya, 'emas' tersebut adalah ketulan tungsten yang dibalut dengan emas. (Tungsten sering digunakan kerana ia sama berat dengan emas.)

Anda boleh mengelakkan daripada tertipu dengan menguji emas itu sebelum membelinya. Ujian tersebut termasuk rolling magnet anda di atas emas dan kemudiannyaa memotong emas tersebut dengan cutter. Ya, anda perlu potong tersebut (setelah mendapat persetujuan daripada penjual dahulu)! Jika anda tak potong, susah anda untuk memastikan ketulenan emas tersebut. Jadi ini bermakna jika sipenjual tak bersetuju emas itu dipotong, maka anda batalkan transaksi tersebut yakni anda tak jadi beli.

Untuk pengetahuan anda, jika terdapat logam lain dalam emas tersebut, seperti tembaga (berwarna merah) dan dawai (berwarna hitam) selepas ianya dipotong, itu bermakna yang ianya emas palsu. Jadi jangan beli! Dalam kata lain, hanya emas yang mesti ada di dalam dan di luar barang emas tersebut. Baru boleh beli.

CONTOH EMAS PALSU SEBELUM DAN SELEPAS DIPOTONG

CONTOH EMAS PALSU SELEPAS DIPOTONG

2. Elak membeli emas yang dicuri

Anda juga perlu mengelak membeli emas yang dicuri. Ini adalah kerana anda juga boleh ‘masuk ke dalam’ jika tuan punya emas tersebut membuat repot polis dan polis membuat penyiasatan, yang akan membabitkan anda. Walaupun bukan anda yang mencuri emas tersebut tetapi sebab anda membelinya, maka anda juga boleh dituduh bersabit. Jadi elakkan situasi ini. Banyak emas lain yang anda boleh beli!

BISNES BELI SURAT PAJAK

1. **Jangan beli surat pajak yang pinjamannya terlalu tinggi**

   Jika pinjaman yang diberikan oleh ar-rahnu terlalu tinggi iaitu melebihi 75 peratus daripada nilai marhun emas, umpamanya 90 peratus daripada nilai marhun emas, maka anda tak sepatutnya beli surat pajak itu. Ini adalah kerana margin anda menjadi terlalu rendah yang menambah risiko kepada anda.

2. **Jangan berinteraksi dengan pihak ketiga**

   Jika pihak ketiga muncul dengan surat pajak, anda juga perlu menolak transaksi tersebut. Ini adalah kerana pajak gadai hanya akan berinteraksi dengan orang yang namanya dalam surat pajak tersebut. Dalam kata lain, pihak ketiga hanya akan menambah kerumitan transaksi tersebut.

3. **Gunakan kertas hitam putih**

   Anda perlu menggunakan kertas hitam putih seperti resip dalam semua transksi anda. Resip jualan itu akan membuktikan yang sipenjual betul-betul menjual emas itu kepada anda dan dia menerima wangnya. Tanpa resip, kekecohan boleh berlaku yang hanya akan menambah kerja dan masalah anda.

6. PENUTUP

Alhamdulillah, kita sudah sampai ke garisan penamat. Sekarang anda sudah tahu dan faham bagaimana bisnes emas ini berfungsi. Lebih pentingnya, anda tahu cara untuk buat duit daripada bisnes beli surat pajak dan juga emas terpakai.

Jadi anda sebenarnya sudah mempunyai ilmu untuk buat duit!

Apakah anda akan kaya raya?

Jawapannya ialah TIDAK!

Apa yang anda miliki sekarang hanyalah ilmunya. Realitinya, and unlike what you have long heard and know, **knowledge is not power. Applied knowledge is power**.

Jadi selagimana anda tak ambik action yakni tidak mempraktikkan ilmu yang anda pelajari ini, maka tidak ada apa-apa yang akan berlaku.

Dalam kata lain, anda perlu take action untuk merealisasikan impian anda.

Jika anda mahukan banyak wang, maka lebih banyak action yang perlu anda ambil!

Tok ucapkan selamat berjaya. Tok juga berdoa supaya anda gembira selalu, serta berjaya di dunia dan akhirat.

TENTANG PENULIS

Azizi Ali adalah penulis, penceramah dan mentor kewangan #1 di Malaysia.

Buku pertama beliau Jutawan Dari Planet Jupiter telah mengubah senario percetakan di Malaysia. Ianya telah dijual melebihi 300,000 naskah dan menjadi penggerak kepada seminar dan buku kewangan di Malaysia. Sejak itu, Azizi telah menulis lebih daripada 30 buah buku berkenaan kewangan dan penciptaan kekayaan. Tajuk-tajuk buku beliau yang laris di pasaran adalah Bagaimana Hendak Menjadi Jutawan Hartanah, Lahirnya Seorang Jutawan, Pesara Jutawan, Masa Untuk Emas, dan Maharaja Wang. Buku beliau diterbitkan di Indonesia dan juga di Brazil. Buku-buku beliau juga dijual dalam bentuk ebook di Amazon.com.

Beliau telah memberi ceramah di hadapan lebih 400,000 peserta seminar dan kerap muncul di media massa. Diantara organisasi yang telah ialah mengupah beliau ialah Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, LHDN, KWSP, CIMB, Eco-World, Tabung Haji dan Petronas.

Azizi adalah pemegang Chartered Financial Consultant (ChFC), pemegang lesen CMSRL (Capital Markets Services Representative's Licence) dan juga memegang ijazah sarjana (MBA) dari University of Bath, UK.

Resource Guide

Buku

1. **Masa Untuk Emas**
   oleh Azizi Ali

   Terjemahan daripada Get Into Gold: How to Invest in Gold Profitably while Avoiding the Traps. Paparan pengendalian pelaburan emas yang menguntungkan sambil mengelakkan kesilapan-kesilapan besar ketika melabur.

   160 muka surat ■ RM39.90



2. **Get Into Gold**
   oleh Azizi Ali

   This book shares the secrets on how to invest in the exciting and yet dangerous realms of gold. It starts with the history of gold and move on to explain the choices available for the investor.

   188 muka surat ■ RM39.90



3. **Rahsia Pelaburan Emas Dan Perak**
   oleh Jonathan Quek

   Buku Rahsia Pelaburan Emas Dan Perak kini membawa anda ke dunia yang sebelum ini tersembunyi daripada orang ramai dan juga media.

   258 muka surat ■ RM39.90



4. **Silver The New Shine**
   oleh Dr Kong Voon Sing

   Through the book, you will find a new knowledge about how silver can make the world goes around. One of the amazing truths about silver is that the demand has surpassed the supply for 16 straight years since 1990.

   134 muka surat ■ RM39.90



Powerpacks

1. Azizi Ali's OMNIBUS - Malay

1 Jutawan Dari Planet Jupiter!
1 Lahirnya Seorang Jutawan
1 Jutawan Ekstrem!
1 Jalan Pintas Kekayaan
1 Pesara Jutawan
1 Jutawan Saham
1 Mencari Maut
1 Masa Untuk Emas
eBook PERCUMA: How I Made Millions by Applying Lessons Learnt From Tun Daim

Harga asal ialah RM~~309.30~~
Tawaran khas – RM249.00 sahaja!

2. Malay Property Powerpack

1 Bagaimana Hendak Menjadi Tuan Rumah Jutawan
1 Bagaimana Hendak Menjadi Jutawan Hartanah
1 Akademi Jutawan Hartanah Untuk Pelabur Baru
1 Langsaikan Pinjaman Perumahan Anda Dalam Tempoh Lima Tahun
eBook PERCUMA: How I Made Millions by Applying Lessons Learnt From Tun Daim

Harga asal ialah RM~~149.60~~
Tawaran khas – RM119.00 only!

Sila layari **www.BookPlanet.com.my** untuk senarai penuh buku-buku yang dapat membantu anda mencapai impian anda.

.com.my
BookPlanet
an online bookstore